

Pendayaupayaan Komuniti Miskin melalui Pendekatan Modal Sosial

*Tuan Muhammad Zukri Tuan Sembok &
Adi Syahid Mohd Ali*

Pengenalan

Kemiskinan merupakan isu sejagat yang sering mendapat perhatian umum. Kemiskinan tidak merujuk komuniti luar bandar sahaja tetapi isu ini turut dihadapi oleh komuniti bandar. Sehingga hari ini, kemiskinan dianggap sebagai masalah masyarakat yang sukar diatasi. Pada asasnya kemiskinan diperhatikan dalam dua bentuk iaitu kemiskinan relatif dan kemiskinan mutlak (United Nation Development Programme, 2015). Kemiskinan mutlak mengukur kemiskinan dalam hubungan wang dan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kemiskinan mutlak juga merujuk keadaan apabila seseorang individu atau isi rumah yang tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi menikmati kesejahteraan hidup yang minimum dan munasabah (Norzita & Siti Hadijah, 2014; Kartini Aboo, 2016). Kemiskinan relatif pula merupakan kemiskinan yang diperhatikan dalam konteks ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan (Siti Hadijah & Roslan, 2011). Kemiskinan ini mengaitkan jurang pendapatan antara dua kumpulan iaitu golongan yang mempunyai pendapatan yang rendah dianggap sebagai miskin dan golongan yang memiliki pendapatan yang lebih tinggi dianggap sebagai kaya. Selain itu, ketidaksamarataan ini juga diukur menggunakan pekali gini (ukuran ketaksamaan pendapatan) berasaskan pengagihan pendapatan kasar bulanan isi rumah.

Bagi menyelesaikan isu kemiskinan, Malaysia melaksanakan pelbagai cara seperti meningkatkan modal insan komuniti miskin melalui kemahiran, motivasi bekerja dan meningkatkan produktiviti mereka. Selain itu kerajaan turut membuka tanah-tanah baharu serta berusaha dalam konteks peningkatan tahap pendidikan. Kerajaan turut memberikan subsidi pertanian dan memperkenalkan sistem mikro kredit. Dari segi dasar pula, kerajaan Malaysia merangka pelbagai dasar dalam usaha membasmi kemiskinan. Dasar awal yang menumpukan pembasmian kemiskinan ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB 1971-1990). Dalam tempoh 30 tahun semenjak DEB diperkenalkan, kemiskinan mutlak bagi keseluruhan negara dapat dikurangkan daripada 49.3% (1970) kepada 5.3% (2000). Pada hari ini melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, kerajaan masih menetapkan objektifnya menyentuh tentang kemiskinan menerusi usaha menangani ketidaksamaan dalam masyarakat.

Secara umum apabila meneliti isu kemiskinan, signifikannya merujuk kurang daya upaya mereka dalam konteks ekonomi. Penumpuan terhadap pendayaupayaan komuniti ini menyebabkan berlakunya elemen penyisihan sosial yang memberi impak yang positif kepada pembangunan komuniti miskin secara sepenuhnya. Oleh itu, pendayaupayaan menjadi satu proses yang perlu diberikan perhatian selain menjadikan matlamat untuk mereka mempunyai daya upaya yang khusus dalam konteks ekonomi. Elemen penyisihan sosial menyebabkan komuniti miskin ini tidak aktif untuk turut serta dalam pembangunan ekonomi secara asas sehingga kepada kemampuan mereka untuk membangunkan kehidupan mereka dengan lebih baik (Faizul Shaiffe, et al., 2018). Ini turut diperakui oleh Abdul Rahman (2004), dengan menyatakan pembangunan dalam sesebuah masyarakat atau komuniti tidak dapat berkecuali daripada prinsip pendayaupayaan. Selain itu, Christenson dan Robinson (1989) turut menjelaskan pendayaupayaan berhasrat untuk melahirkan komuniti yang mempunyai inisiatif untuk memulakan kegiatan sosial bagi memperbaiki situasi dan keadaan diri sendiri.

Pendayaupayaan Ekonomi

Menurut Tremblay dan Gutberlet (2010), **pendayaupayaan** ialah usaha daripada ahli **komuniti** sendiri dalam melakukan perubahan dengan berusaha melakukan sesuatu perkara dengan sendiri, dan bukan hanya menjadi kelompok **komuniti** penerima sahaja daripada pembangunan atau perubahan yang cuba dilakukan oleh pihak luar. **Pendayaupayaan** itu sendiri dalam konteks politik difahami sebagai asas kepada elemen “kuasa” (Rapport, 1987). Menurut Rapport (1987) lagi, **pendayaupayaan** mempunyai unsur-unsur kawalan psikologi yang mana mempunyai pengaruh dalam konteks sosial dan hak seseorang. Kuasa turut didefinisikan sebagai kawalan bagi menuntut satu usaha sendiri dalam merangka dan melaksanakan proses sesuatu tindakan (Greasley et al., 2008). **Pendayaupayaan** berasaskan konsep kuasa merupakan proses pembangunan kepada individu atau **komuniti** agar mereka dapat memenuhi keperluan yang akan memberikan manfaat kepada mereka. Konsep kuasa yang dikenal pasti merupakan juga proses elemen demokrasi yang membenarkan ahli **komuniti** untuk mengakses, menentukan, merancang dan melaksanakan keperluan yang diinginkan oleh mereka.

Pendayaupayaan ialah kemampuan individu atau kumpulan dalam usaha mereka untuk mengemukakan hal keperluan mereka dengan melibatkan diri dalam proses untuk membuat keputusan agar perubahan memberikan impak kepada sistem dan juga komuniti secara keseluruhannya (Fawcett et al. 2010; Junaenah Sulehan & Ong Puay Liu, 2012). **Pendayaupayaan** berlaku apabila klien mengenal pasti keperluan, kehendak serta memobilisasikan kekuatan sumber yang ada dan bergerak untuk menjadi lebih baik (Langer & Lietz, 2015). Menurut Fauziah Ani et al. (2016), **pendayaupayaan** dapat diteliti menerusi beberapa pendekatan iaitu *power to*, *power to do* dan *power to act* yang mana ketiga-tiga pendekatan ini berasaskan sumber yang sedia ada pada individu. Fauziah Ani et al. (2016) menambah lagi bahawa pembangunan yang dibangunkan menerusi kapasiti, **potensi** serta kebolehan

individu dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Ini menunjukkan konsep **pendayaupayaan** itu sendiri adalah usaha yang perlu dilakukan oleh individu atau **komuniti** itu sendiri menerusi sumber kapasiti serta **potensi** yang sedia ada pada mereka. Proses **pendayaupayaan** itu sendiri memberikan penekanan untuk individu atau kumpulan **komuniti** berusaha untuk melakukan perubahan dengan usaha mereka sendiri. Mereka mempunyai keinginan dan keupayaan melakukan perubahan menerusi adanya sumber-sumber yang ada untuk melaksanakan perubahan dengan secara konsisten. Perubahan yang turut berlaku berdasarkan proses perbincangan mereka sendiri atau kumpulan. Setiap perubahan yang berlaku tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Perubahan yang berlaku adalah atas kerelaan dan dilakukan atas segala pertimbangan dan memberikan manfaat kepada individu atau kumpulan **komuniti** secara keseluruhannya.

Selain itu, Pereznieto dan Taylor meneliti **pendayaupayaan** dalam konteks empat dimensi iaitu pertama, *power within* iaitu keupayaan dari segi ilmu pengetahuan, keupayaan diri, mempunyai rasa hak, kemandirian diri dan mempercayai diri dalam usaha membuat perubahan dalam kehidupan mereka (kemahiran untuk belajar dalam mendapatkan sumber pekerjaan dan memulakan perniagaan). Kedua, "power to", iaitu boleh membuat keputusan berkaitan ekonomi keluarga, komuniti dan ekonomi setempat (pasar) yang lebih luas. Ketiga, *power over*, kemampuan untuk akses dan mengawal kewangan, fizikal, aset berasaskan pengetahuan dan termasuk akses kepada pekerjaan dan penjana sumber pendapatan. Keempat, "power with" berupaya untuk menganjurkan program pembangunan dan hak **ekonomi**.

Menurut Amir Zal et al. (2012), **pendayaupayaan ekonomi** ialah keupayaan **komuniti** yang mempunyai elemen kuasa dalam proses melaksanakan keputusan ke atas wang yang sedia dimiliki mereka dan dapat menentukan apa yang akan dibelanjakan. Amir Zal et al. (2012) menambah lagi, keputusan yang diputuskan mereka tidak melibatkan desakan atau dipengaruhi oleh pihak luar dengan berasaskan kebebasan pertimbangan keputusan mereka sendiri. Selain itu, **pendayaupayaan ekonomi** dalam **komuniti**

dapat dikenal pasti menerusi adanya pembangunan aktiviti ekonomi baru (Amir Zal, 2013). Ini turut ditegaskan oleh Lahafi et al. (2019), menjelaskan pendayaupayaan ekonomi dinilai menerusi adanya sokongan idea yang kreatif sehingga mampu untuk menghasilkan produk baharu. Usaha pendayaupayaan ekonomi diperkuat dengan adanya daya usaha menerusi sumber-sumber yang ada dalam usaha memberikan impak yang baik dari segi peningkatan sumber pendapatan, kualiti kehidupan. Usaha untuk komuniti mempunyai keupayaan sendiri bagi menentukan kehidupan mereka secara keseluruhannya.

Pendayaupayaan ekonomi menerusi kajian oleh Haque et al. (2019) menjelaskan bahawa pendayaupayaan ekonomi berlaku apabila berlakunya peningkatan sumber pendapatan, kemampuan membangunkan sumber pekerjaan sendiri, mampu untuk membuat keputusan sendiri dan keluarga serta peningkatan kesihatan yang baik dan penyertaan aktif dalam membangunkan sumber ekonomi. Pendayaupayaan ekonomi menunjukkan perubahan berlaku menerusi adanya keupayaan untuk komuniti menentukan sendiri apa yang mereka ingin lakukan berasaskan faktor-faktor yang difikirkan mereka dapat mendatangkan impak yang baik. Impak berasaskan hasil dapat diteliti berlakunya peningkatan sumber pendapatan menerusi inovasi aktiviti-aktiviti ekonomi yang baharu atau sedia dalam jangka masa panjang.

Penyisihan Sosial dan Kemiskinan

Penyisihan sosial ialah satu tindakan sosial yang dikenakan terhadap kumpulan tertentu yang kurang diberikan perhatian termasuklah dalam pembangunan ekonomi (Faizul Shaiffe et al., 2018). Menurut Siti Hajar (2012), kesan daripada penyisihan sosial ini menyebabkan proses sosial dan ekonomi yang bersifat destruktif memberikan kesan kepada individu atau sekelompok anggota masyarakat yang disisihkan ke tahap kehidupan yang memudaratkan. Menurut Siti Hajar (2012) lagi, penyisihan sosial ialah satu keadaan terancang yang dilakukan oleh pihak-

pihak tertentu (kuasa) dalam masyarakat bagi menafikan hak sekumpulan tertentu daripada terus menikmati arus pembangunan yang berlaku. Ini jelas menunjukkan **penyisihan sosial** berlaku terhadap golongan tertentu termasuk golongan **miskin** yang perlu diberikan perhatian secara khusus. **Komuniti miskin** ialah **komuniti** yang mempunyai ketidakmampuan akses dari segi sosioekonomi. Kemunduran sesebuah **ekonomi** merupakan kesan daripada pelbagai dimensi dan faktor kurang atau terhad dalam sesebuah **komuniti**. Jika diperhatikan, penyisihan bukan hanya dari sudut material yang dapat diperhatikan tetapi juga dari sudut bukan material.

Selain itu, **penyisihan sosial** bukan hanya melibatkan ketidaksampaian bantuan sahaja tetapi juga melibatkan faktor **penyertaan komuniti miskin** ini secara bersama-sama dalam pembangunan **komuniti** mereka. Perkara ini dijelaskan oleh Kiky Kirina dan Junaenah (2015), penyisihan melibatkan faktor dalaman, luaran dan juga **penyertaan**. **Penyertaan** secara aktif oleh komuniti miskin sendiri untuk melakukan sesuatu keputusan secara demokratik. Memahami elemen perhubungan sosial cukup penting dalam usaha untuk memahami realiti **kemiskinan** yang berlaku (Dahl et al., 2008). **Penyisihan sosial** menyebabkan perhubungan antara individu atau kelompok yang “terpisah” dengan usaha elemen peningkatan perhubungan perlu dilaksanakan dalam usaha membangunkan **komuniti miskin**. **Komuniti miskin** bukan hanya “miskin” dari segi materialnya, malah perhubungan sosial dengan pihak lain juga tidak menunjukkan perhubungan yang positif. Mereka tidak mampu atau mengehadkan perhubungan mereka dengan pihak yang lain atas faktor situasi **kemiskinan** yang mereka hadapi.

Penyertaan

Penyertaan ahli komuniti merupakan elemen dalam usaha **pendayaupayaan ekonomi** yang baik (Amir Zal, 2013). **Penyertaan** merupakan strategi penting dalam usaha pembangunan **ekonomi**

terutama dalam menangani isu-isu kemiskinan yang dihadapi dalam pembangunan dunia ketiga (Fauziah et al., 2016). Menurut Sardu et al. (2012), penyertaan komuniti memberikan impak yang baik dengan berlakunya perkembangan budaya, sosial serta pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah komuniti. Penyertaan aktif dalam proses pembangunan seperti mengenal pasti isu-isu, terlibat dalam perancangan, pembentukan, melaksanakan tindakan, pemantauan serta penilaian akan dapat menghasilkan perubahan yang diinginkan (Suharto, 2009; Wilson et al., 2008).

Menerusi elemen penyertaan aktif, proses pengagihan kuasa akan berlaku dalam kalangan ahli komuniti untuk kepentingan pembangunan komuniti setempat (Junaenah et al., 2008). Penyertaan melibatkan konsep perundingan dan perkongsian dalam usaha untuk membuat sesuatu keputusan (Sharma, 2008). Ini menjelaskan bahawa elemen penyertaan merupakan elemen penting terutamanya apabila melibatkan “kuasa” dalam konteks pendayaupayaan itu sendiri. Menurut Kiky Kirina dan Junaenah (2015), menerusi penyertaan secara aktif dan tiadanya unsur-unsur dipaksa dalam usaha pembangunan komuniti miskin serta kesedaran ahli komuniti itu sendiri perlu dalam mengelakkan berlakunya penyisihan sosial. Elemen penyertaan dan penyisihan sosial saling berkaitan antara satu sama lain dengan kekurangan penyertaan memberikan impak kepada penyisihan sosial (Williams & Horodnic, 2017; Gaventa, 1998). Menerusi elemen kuasa penyertaan, individu atau ahli komuniti dapat menentukan hasil yang diinginkan menerusi proses di setiap peringkat pembangunan komuniti. Penyertaan secara kolektif menerusi penyertaan usaha perbincangan dapat mencapai satu perubahan komuniti yang lebih baik menerusi adanya sikap “cakna” “tanggungjawab” dalam diri setiap ahli komuniti itu sendiri. Setiap ahli komuniti perlu aktif dalam membangunkan komuniti agar usaha pendayaupayaan itu dapat dicapai dengan baik. Penyertaan memerlukan penglibatan secara langsung dalam semua peringkat bahagian proses pembangunan komuniti dalam usaha mencapai matlamat diri dan komuniti secara keseluruhan.

Kemampuan untuk Berdikari

Kemampuan untuk berdikari merupakan elemen dalam usaha pendayaupayaan ekonomi komuniti. Menurut Thomas dan Pawar (2010), usaha untuk berdikari merupakan keupayaan seseorang untuk bergantung pada diri sendiri. Jika diteliti kemampuan berdikari turut selari dengan konsep kuasa itu sendiri, yang mana menurut McAreavey (2009), menjelaskan keupayaan individu atau kumpulan berusaha untuk mencapai keinginan mereka berasaskan tumpuan sendiri.

Menurut Corrigan et al. (2012), elemen penentuan sendiri menjelaskan individu mempunyai kebebasan dalam usaha untuk mereka memilih sesuatu tugas yang diteliti dapat memberi perubahan yang baik kepada mereka. Penentuan sendiri turut dapat menghasilkan usaha komitmen yang memberikan impak yang positif kepada organisasi komuniti (Syliz Nabila & Arsiah, 2012). Penentuan sendiri atau kemampuan berdikari, individu atau komuniti bebas untuk melaksanakan aktiviti yang ditentukan mereka berasaskan sumber serta matlamat yang ingin dicapai. Pembentukan matlamat yang jelas serta sokongan sumber yang ada akan memberikan impak kepada diri mereka dan komuniti untuk mengambil dan melaksanakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai ejen perubahan kepada ahli komuniti secara keseluruhannya.

Konsep berdikari yang ada pada komuniti merupakan keupayaan ahli komuniti untuk membangunkan diri mereka sendiri dan selaras dengan pendekatan bawah-atas (*bottom-up*), yang mana usaha kolektif komuniti membangunkan diri dan ahli komuniti ke arah pembangunan komuniti yang positif bagi kelangsungan kehidupan. Menerusi usaha kreativiti yang ada, ahli komuniti menerusi sumber dalam komuniti yang sedia ada mampu untuk memenuhi keperluan mereka tanpa bergantung sepenuhnya daripada pihak luar dalam penentuan kehidupan mereka.

Modal Sosial

Modal sosial merupakan salah satu aset atau potensi utama yang diperlukan untuk membangunkan komuniti. Melalui modal sosial ahli komuniti dapat memastikan ahli komuniti dapat bekerjasama untuk berkembang, menguatkan dan melestarikan hubungan secara efektif, menyelesaikan masalah, serta bersama mencapai matlamat mereka secara kolektif (Putnam, 1995; Woolcock, 2001; Philips & Pittman, 2009). Potensi tersebut dapat diperoleh melalui interaksi sosial yang berlaku di dalam atau luar komuniti. Interaksi yang berlaku menghasilkan jaringan sosial, hubungan sosial, norma sosial, kepercayaan dan kebersamaan yang mempengaruhi tingkah laku dan hubungan dalam kalangan masyarakat (Petrosillo et al., 2013).

Potensi sosial tersebut dapat dikenal pasti melalui elemen-elemen yang tertentu seperti saling bergantung, saling berkongsi, berkongsi nilai dan norma, percaya, keakraban, perasaan dan penyertaan sosial (Cuthill & Fien, 2005; Kay, 2006, Boyd et al., 2008, Dale & Sparkes, 2008; Qingwen et al., 2010). Walaupun begitu, menurut Kay (2006) elemen utama yang menjadi ukuran modal sosial ialah keakraban untuk menunjukkan modal sosial komuniti kuat atau lemah. Ia turut ditegaskan oleh Amir Zal (2016) yang menyatakan keakraban merupakan unsur penting dalam modal sosial yang memanasifikasikan perasaan kekitaan, rasa sayang dan ingin mengorbankan sesuatu demi kepentingan individu lain. Walau bagaimanapun, elemen-elemen tersebut dapat dirumuskan kepada kepercayaan, timbal balik dan kohesif (Putnam, 1993).

Hubungan sosial atau jaringan sosial dalam modal sosial dikategorikan oleh sarjana kepada beberapa jenis rangkaian sosial. Salah satu, pembahagian yang selalu digunakan ialah modal sosial ikatan, modal sosial rapat dan modal sosial jaringan (Woolcock, 2002; Szreter. & Woolcock. M, 2004). Ketiga-tiga jaringan tersebut dikategorikan kepada dua kelompok iaitu mendatar dan menegak (Woolcock, 2002). Hubungan yang mendatar ialah

modal sosial ikatan dan modal sosial rapatan manakala hubungan menegak ialah modal sosial jaringan. Modal sosial ikatan merujuk hubungan antara individu dalam komuniti homogen seperti kawan rapat, keluarga, kumpulan sosial, jiran dan etnik (Putnam, 2000; Vyncke et al., 2012). Hubungan dalam modal sosial ini bersifat heterogen kerana hubungan berlaku dalam kalangan ahli komuniti yang berbeza berdasarkan komuniti, budaya dan latar belakang sosioekonomi (Szreter & Woolcock, 2004). Modal sosial jaringan pula merupakan hubungan dengan institusi dan pihak berautoriti (Szreter & Woolcock, 2004).

Setiap modal sosial mempunyai peranan yang tertentu. Modal sosial ikatan misalnya berperanan menempatkan individu dengan baik dalam komuniti melalui pembentukan identiti secara bersama, membangunkan timbal balik dalam komuniti, meningkatkan keakraban, sokongan sosial dan bantuan ketika krisis, sokongan emosi (Gittel & Vidal, 1998). Modal sosial rapatan pula berperanan untuk mendapatkan sesuatu kepentingan daripada luar komuniti (Michelini, 2013). Hubungan dalam ikatan yang lemah tetapi mempunyai solidariti yang kuat menjadikan pelbagai manfaat yang dapat diambil oleh komuniti. Sementara bagi modal sosial jaringan bersifat hubungan vertikal antara komuniti dengan kelompok yang mempunyai kuasa. Vertikal menurut Amir Zal (2014) ialah pengiktirafan kepada strata sosial yang wujud tanpa disadari. Peranan modal sosial ini sudah tentu melibatkan sumber-sumber atau kuasa yang ada pada pihak-pihak tertentu (Woolcock & Narayan, 2000) yang bersifat menyokong komuniti daripada ditindas dan dieksploitasi (Middelton et al., 2005).

Dalam ketiga-tiga modal sosial, peranan utama jaringan sosial tersebut mendapatkan keperluan tertentu dalam komuniti. Walau bagaimanapun, keperluan itu berbeza berdasarkan jaringan sosial yang berhubung dengan mereka. Dalam modal sosial ikatan, kepentingan komuniti diperoleh melalui hubungan yang kuat tanpa perlu ada pertikaian terhadap keperluan dan kepercayaan, timbal balik dan kohesif ialah rutin yang berlaku dalam modal sosial ikatan. Dalam modal sosial rapatan keperluan atau kepentingan adalah dengan jaringan yang mempunyai ikatan

yang lemah. Melalui kepercayaan, timbal balik dan kohesif, ahli **komuniti** mampu memperkuat solidariti dan kerjasama yang memberi manfaat. Tujuan untuk mendapatkan manfaat atau kepentingan ini juga berlaku dalam modal sosial jaringan apabila ahli **komuniti** mendapatkannya daripada pihak berautoriti yang mempunyai kuasa.

Bank Dunia juga menggagap usaha memupuk kesan positif **modal sosial** merupakan elemen penting yang memberi faedah dalam usaha pembangunan lestari dan pembasmian kemiskinan (Woolcock & Narayan, 2000). Ini turut dapat diperhatikan kepada beberapa yang menunjukkan **modal sosial** mampu mendayaupayakan **komuniti miskin**. Kajian Haslin & Vivien (2016) yang meneliti peranan **modal sosial** terhadap komuniti orang Asli Tompoq Topoh, Tapah Perak. Hasil kajian menunjukkan elemen **modal sosial** yang dimiliki membantu mendayaupayakan ekonomi komuniti tersebut. Begitu juga kajian yang dilaksanakan oleh Hamidreza, Nobaya dan Sarjit (2012) ke atas **komuniti miskin** di petempatan setinggian di Tehran, Iran. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilikan **modal sosial** ikatan, rapatan dan jaringan memberikan kesan yang signifikan kepada **pendayaupayaan komuniti** miskin di Tehran. Walaupun begitu, **modal sosial ikatan** menunjukkan hubungan yang kuat dan positif kepada **pendayaupayaan komuniti** tersebut berbanding modal sosial yang lain. Kajian Suharto dan Iwan (2017) juga menunjukkan secara jelas terdapat hubungan antara modal sosial dengan pendayaupayaan **ekonomi**. **Modal sosial** mempengaruhi pendayaupayaan **ekonomi** dan secara langsung memberikan kesan kepada kemakmuran sosial.

Peranan Modal Sosial dalam Pendayaupayaan Ekonomi Komuniti Miskin

Modal sosial menjadi suatu konsep yang penting dalam rangka mendayaupayakan **komuniti miskin**. Hal ini demikian kerana manusia atau kelompok sosial itu sendiri menjadi tunjang kepada

pembangunan komuniti. Penyertaan dan kapasiti komuniti miskin mengorganisasikan mereka dalam kelompok sosial menjadikan seluruh sistem sosial dapat berfungsi dan memberikan peranan masing-masing untuk menjadikan komuniti miskin mempunyai daya upaya dalam konteks ekonomi mereka. Oleh itu, modal sosial menunjukkan suatu sisi yang baharu bahawa pendayaupayaan mereka tidak hanya dapat diselesaikan melalui memenuhi keperluan wang melalui pelbagai program bantuan. Sebaliknya, keperluan daya upaya ekonomi mereka turut mampu diselesaikan melalui meluaskan akses terhadap sumber-sumber yang berada dalam jaringan sosial dan saling percaya dalam kalangan masyarakat. Ini dapat diteliti menerusi program mikro kredit oleh agensi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang menunjukkan satu model yang berjaya dalam pembangunan ekonomi wanita terutama dalam pembangunan usahawan. Peserta AIM yang dikenali sebagai "sahabat" akan mendapat pinjaman mikro kredit yang dijalankan secara berkumpulan dan mereka perlu saling bertanggungjawab antara satu sama lain (Mohd Shaifoul et al., 2013). Menurut Mohd Shaifoul et al. (2013) lagi, kumpulan tersebut perlu bertanggungjawab terhadap ahli kumpulan agar tahap ekonomi pendapatan dalam kumpulan berada pada tahap yang memberangsangkan. AIM mampu untuk mendayaupayakan ekonomi pendapatan dalam kalangan sahabat (ahli) menerusi adanya peningkatan berbanding sebelum menyertai program mikro kredit AIM bagi golongan miskin. Pendayaupayaan yang berlaku ialah seperti peningkatan sumber pendapatan bulanan isi rumah, mampu untuk bekerja atau membuka perniagaan sendiri dan tahap kesihatan semakin meningkat baik berbanding sebelum ini (Haque et al., 2019). Berasaskan model penyertaan berkumpulan menunjukkan perhubungan (modal sosial) sebagai asas pembangunan dalam kalangan ahli dapat menunjukkan impak yang positif bagi mendayaupayakan komuniti kemiskinan.

Secara spesifiknya, komuniti miskin dapat mengakses modal sosial untuk mendayaupayakan ekonomi mereka melalui elemen seperti saling berkongsi, perkongsian nilai dan norma, percaya, keakraban, perasaan, penyertaan sosial dan jaringan sosial (Cuthill

& Amp; Fien, 2005; Kay, 2006, Boyd et al., 2008, Dale & Amp; Sparkes, 2008; Qingwen et al., 2010). Elemen-elemen tersebut dirumuskan oleh Putnam (1993) kepada kepercayaan, timbal balik dan kohesif. Melalui elemen-elemen inilah yang terkumpul menjadi modal sosial yang seterusnya dapat memenuhi keperluan sosial individu serta berpotensi meningkatkan kehidupan komuniti secara sosial (Woolcock & Amp; Narayan, 2000; Westwood, 2011). Menurut Abdul Rahman (2004), pembangunan sesebuah masyarakat atau komuniti memerlukan prinsip pendayaupayaan. Seterusnya dapat diteliti bahawa pendayaupayaan merupakan proses sosial (perhubungan) yang terjadi dalam sistem masyarakat dan juga dalam organisasi. Ini menjelaskan bahawa, usaha elemen seperti elemen perhubungan atau modal sosial dan usaha meningkatkan modal sosial itu sendiri penting bagi mendayaupayakan masyarakat.

Seterusnya, peranan modal sosial untuk mendayaupayakan komuniti miskin dapat diperhatikan melalui tipologi modal sosial yang terbahagi kepada modal sosial ikatan, rapatan dan jaringan. Bagi modal sosial ikatan, pendayaupayaan ekonomi dapat berlaku melalui pembentukan identiti secara bersama, membangunkan timbal balik dalam komuniti, meningkatkan keakraban, sokongan sosial dan bantuan ketika krisis (Gittel & Vidal, 1998). Di samping itu, modal sosial ikatan juga berkesan menggerakkan individu dan sumber untuk tujuan bersama (Grant, 2001). Menurut Williams (2006) modal sosial ikatan turut dapat menyumbang terhadap akses sumber yang terhad dan juga perpaduan. Pendayaupayaan ekonomi melalui modal sosial ikatan turut dapat disumbangkan melalui sokongan ahli komuniti seperti sokongan psikologi dan sokongan keselamatan (Schmid, 2000; Mladovsky & Mossialos, 2008; Hamidreza et al., 2012). Perhubungan sosial pula merangkumi elemen seperti cakna kepada komuniti termasuklah aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dalam komuniti, adanya perhubungan dengan pihak tempatan, peningkatan keselamatan, percampuran etnik, peningkatan dari segi pendidikan dan perkhidmatan kesihatan, peningkatan kesejahteraan dan kualiti

hidup termasuk pembasmian isu kemiskinan (Abiona & Bello; Turcu, 2012; Choi & Ng, 2011).

Pendayaupayaan ekonomi komuniti miskin dapat diperhatikan dengan jelas dalam konteks modal sosial rapat. Daya upaya ekonomi komuniti miskin mampu ditingkatkan melalui kerjasama untuk mendapatkan sumber-sumber tertentu dan juga maklumat-maklumat tertentu (Meadowcroft & Pennigton, 2008). Jaringan sosial yang luas melalui modal sosial rapat turut menjadikan pendayaupayaan ekonomi mereka menjadi lebih mudah (Frick et al., 2011). Selain itu, risiko-risiko sosial turut dapat dikurangkan melalui kepercayaan sosial dan aktivisme sosial berbanding komuniti miskin yang mempunyai modal sosial rapat yang rendah (Hansen et al., 2014). Proses kerjasama menerusi modal sosial secara aktif dapat membantu komuniti miskin. Ini terbukti menerusi kajian Hansen dan Duveskog (2011), terhadap penyertaan ahli komuniti petani di Tanzania dan Kenya yang mengikuti program *Farmer Field School* (FFS), melalui program tersebut dapat mengurangkan tahap kemiskinan berbanding ahli komuniti yang lain. Perkara ini turut diakui oleh Kabir et al (2011), penglibatan secara bersama (kolektif) dalam aktiviti secara langsung dapat meningkatkan pengurusan sumber yang lebih produktif. Ini jelas menunjukkan bahawa penyertaan secara langsung dalam termasuklah dalam program atau aktiviti pembangunan komuniti dapat memberikan impak yang positif sama ada kepada individu mahupun kepada komuniti secara umumnya. Selain itu, Amir Zal. (2014), turut menyatakan menerusi jalinan hubungan modal sosial rapat dalam kalangan Orang Kuala (asli laut), menunjukkan perhubungan dengan modal sosial rapat turut dapat membantu peningkatan pendayaupayaan komuniti masyarakat tersebut dengan berlakunya peningkatan sumber pendapatan dalam komuniti tersebut.

Sementara bagi modal sosial jaringan pendayaupayaan ekonomi berlaku dalam hubungan yang bersifat vertikal antara komuniti dengan kelompok yang mempunyai kuasa. Vertikal menurut Amir Zal (2014) iaitu pengiktirafan kepada strata sosial

yang wujud tanpa disedari. Peranan modal sosial ini sudah tentu melibatkan sumber atau kuasa yang ada pada pihak tertentu (Woolcock & Narayan, 2000). Seterusnya, bersifat menyokong komuniti daripada ditindas dan dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu (Middelton et al., 2005). Modal sosial jaringan dapat berperanan mendayaupayakan ekonomi komuniti miskin dalam aspek menyediakan sumber dan pembiayaan yang dapat memberikan kesan yang baik dalam membangunkan komuniti tersebut (Burnett, 2006). Komuniti miskin seperti komuniti nelayan dapat dibangunkan apabila adanya peningkatan perhubungan sosial termasuklah dengan modal sosial jaringan. Perhubungan yang diterjemahkan dalam konteks perjumpaan yang kerap dilakukan antara nelayan dengan pengusaha perikanan, menteri, penguat kuasa dan para penyelidik dalam proses membentuk satu rangka panduan dapat membantu menyelamatkan ekosistem hidupan laut daripada dieksploitasi tanpa ada batasan (Rohasliney, 2012). Sumber laut merupakan sumber utama kepada nelayan bagi mendapatkan sumber pendapatan yang baik.

Dalam ketiga-tiga modal sosial, peranan utama jaringan sosial tersebut mendapatkan keperluan tertentu dalam komuniti. Walau bagaimanapun, keperluan itu berbeza berdasarkan jaringan sosial yang mereka berhubung. Dalam modal sosial ikatan, kepentingan komuniti diperoleh melalui hubungan yang kuat tanpa perlu ada pertikaian terhadap keperluan dan kepercayaan, timbal balik dan kohesif rutin yang berlaku dalam modal sosial ikatan. Dalam modal sosial rapat, keperluan atau kepentingan komuniti adalah dengan jaringan yang mempunyai ikatan yang lemah. Melalui kepercayaan, timbal balik dan kohesif, ahli komuniti mampu memperkuatkan solidariti dan kerjasama yang memberikan manfaat. Tujuan untuk mendapatkan manfaat atau kepentingan ini juga berlaku dalam modal sosial jaringan apabila ahli komuniti mendapatkannya daripada pihak berautoriti yang mempunyai kuasa. Ketiga-tiga modal sosial ini akan dapat mengurangkan masalah kemiskinan.

Kesimpulan

Modal sosial jelas menunjukkan impak yang positif dalam usaha pendayaupayaan komuniti miskin. Dalam komuniti, perhubungan modal sosial merupakan elemen yang menjadi asas dalam pembentukan komuniti yang bukan hanya komuniti berbentuk lokaliti tetapi juga komuniti berbentuk fungsional. Komuniti memerlukan perhubungan antara satu sama lain agar pembentukan yang dibentuk bukan hanya sekadar hubungan tetapi akan mewujudkan satu komuniti yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu dalam setiap perhubungan tersebut termasuklah berperanan dalam membangunkan komuniti seperti komuniti miskin. Dengan adanya usaha peningkatan terhadap modal sosial, ini secara langsung memberikan impak yang positif terhadap pendayaupayaan komuniti. Perhubungan kohesif dan keakraban antara ahli komuniti miskin secara tradisinya akan memberikan kesan yang baik dengan syarat adanya usaha penyertaan dalam setiap program pembangunan yang dilaksanakan ke atas mereka. Usaha menerusi peningkatan modal sosial dan pendayaupayaan dalam kalangan ahli komuniti kemiskinan memberikan keyakinan kepada ahli komuniti miskin untuk bersama-sama membangunkan komuniti. Ini secara tidak langsung membantu ahli komuniti miskin berlakunya unsur-unsur penyisihan sosial dalam komuniti tersebut. Perhubungan yang sedia wujud dalam modal sosial serta berusaha dalam meningkatkan perhubungan modal sosial secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Amalan saling membantu yang menjadi satu amalan yang terus diamalkan mampu untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam komuniti.

Peningkatan sumber pendapatan menerusi mekanisme pendayaupayaan komuniti (penyertaan aktif dan kemampuan untuk berdikari) dalam kalangan komuniti miskin secara langsung dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dalam diri mereka. Peningkatan rasa tanggungjawab menerusi tindakan dalam kalangan modal sosial mampu memberikan impak yang baik

kepada kehidupan mereka secara keseluruhannya. Perhubungan yang terbina atas kapasiti untuk pembangunan ekonomi dalam konteks komuniti miskin secara langsung memberikan kesedaran antara ahli komuniti miskin dan seterusnya berperanan aktif dalam membentuk semangat kolektif dan kebersamaan bagi menuntut hak sebagai ahli komuniti bagi menjaminkan kualiti kehidupan yang lebih baik.

Pendayaupayaan komuniti miskin memerlukan dimensi modal sosial yang mana perhubungan modal sosial adalah penting dengan keperluan untuk ahli komuniti memberikan komitmen berkaitan elemen perhubungan secara konsisten antara ahli komuniti. Pendayaupayaan ialah satu proses yang perlu dilakukan dan digerakkan oleh ahli komuniti sendiri bagi memastikan pembangunan komuniti miskin dapat dilaksanakan, menerusi elemen kepercayaan, keakraban dan timbal balik dalam komuniti mereka sendiri.

Modal sosial sememangnya diakui sebagai sumber potensi yang sedia ada dalam komuniti, dan perlu digunakan semaksimumnya dalam usaha pembangunan komuniti selain daripada sumber modal yang lain (modal insan, modal persekitaran, modal budaya, modal politik, modal kewangan). Potensi ini perlu digunakan serta dibangunkan dalam usaha mengubah landskap pembangunan komuniti miskin. Pendayaupayaan komuniti seperti mana yang dinyatakan sebelum ini yang merangkumi penyertaan dan keupayaan untuk berdikari serta modal sosial sendiri dinyatakan sebagai usaha daripada kesedaran dan tindakan oleh ahli komuniti miskin itu sendiri. Dalam konteks pembangunan komuniti, perubahan perlu hadir daripada kesedaran dan tindakan konkrit daripada ahli komuniti iaitu individu dan komuniti miskin iaitu melalui pendekatan bawah-atas (*bottom-up*) dan bukan terus mengharapkan sepenuhnya daripada pihak luar (kerajaan) iaitu atas-bawah (*top-down*) dalam usaha membangunkan komuniti miskin secara holistik.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2004). Memikir semula persoalan pembangunan manusia: Antara teori dan realiti. *Akademika*, 64(1), 15-26.
- Abiona, L.A., & Bello, W.N. (2013). Grassroots Participation In Decision-Making Process And Development Programmers As Correlate Of Sustainability Of Community Development In Nigeria. *Journal of Sustainable Development*, 6(3),47-57. <https://10.5539/jsd.v6n3p47>
- Adger, N. W. (2003). *Social Capital, Collective Action, and Adaptation to Climate Change*. *Economic Geography* 79: 387-404. <http://www.jstor.org/stable/30032945>
- Amir Zal, W.A (2016). Barah Sosial dalam Komuniti. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Amir Zal, W. A (2013). Kebergantungan Orang Kuala ke atas Modal Insan Tradisi dan Kaitannya dengan Pendayaupayaan Ekonomi. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(2), 165-172.
- Amir Zal, W., Hanina, H., Asnarulkhadi Abu Samah, & Ma,rof Redzuan. (2012). Peranan Modal Sosial Rapatn ke atas Pendayaupayaan Ekonomi Orang Kuala. *Jurnal Teknologi*, 58, 63-69
- Amir Zal. W.A. (2014). Pembangunan Kapasiti Nelayan Kuala Terengganu Utara Berasaskan Modal Sosial dan Ekonomi. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Amir Zal. W.A., Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah, Hanina H. Hamsan. (2012). *Peranan Modal Sosial Rapatn ke atas Pendayaupayaan Ekonomi Orang Kuala*. *Jurnal Teknologi* 58, 63-69.
- Boyd, C.P., Hayes, L., Wilson, R.L. & Bearsley-Smith, C. 2008. Harnessing the Social Capital of Rural Communities for Youth Mental Health: An Asset-based Community Development Framework. *Aus. J. Rural Health*, 16: 189-193. <https://doi.10.1111/j.1440-1584.2008.00996.x>

- Burnett, C. (2006). Building Social Capital Through an 'Active Community Club'. *International Review For The Sociology Of Sport* 41/3-4, 283-294. <https://doi.org/10.1177/1012690207078381>
- Christenson, J. A., & Robinson, J. W. (1989). *Community development in perspective*. Jr Ames: Iowa University Press.
- Choi, S., & Ng, A. (2011). Environmental and economic dimensions of sustainability and price effects on consumer responses. *Journal Business Ethics*, 104, 269-282 <https://doi.org/10.1007/s10551-011-0908-8>.
- Cuthill, M., & Fien, J. 2005. Capacity Building: Facilitating Citizen Participation in Local Governance. *Australian Journal of Public Administration*, 64 (4): 63-80. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8500.2005.00465a.x>
- Corrigan, P. W., Angell, B., Davidson, L., & Marcus, M. S. (2012). From Adherence to Self-Determination: Evolution of a Treatment Paradigm for People With Serious Mental Illnesses. *Psychiatric Services*, 63(2), 169-173. <https://doi.org/10.1176/appi.ps.201100065>
- Dale, A. & Sparkes, J. (2008). Protecting ecosystem: Network structure and social capital mobilization. *Community Development Journal*, 43(2): 143-156. <http://www.jstor.org/stable/44259088>
- Faizul Saiffe, Mohd Adib Ismail, & Farhana Sidek. (2018). Penentu Penyisihan Sosial Dalam Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin Baitulmal-Maiwp: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *13th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2018)* (pp. 1-16). Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Fauziah Ani, Asnarulkhadi Abu Samah, Ma'arof Redzuan & Norbaya Ahmad (2016). Pendekatan Pendayaupayaan dalam Pembangunan Komuniti: Satu Analisa dari Teori kepada Praktis . *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* , 1, 34-44. <http://doi.org/10.47405/mjssh.v1i1.5>

- Fawcett, S., Abeykoon, P., Arora, M., Dobe, M., Gilliam, L. G., Liburd, L., & Munodawafa, D. (2010). Constructing an action agenda for community empowerment at the 7th Global Conference on Health Promotion in Nairobi. *Global Health Promotion*, 17, 52–56. <https://doi.org/10.1177/1757975910383933>
- Fikri Lahafi, Agus Muchsin, & Syahriyah Semaun. (2019). Development of creative industries training towards sharia economic empowerment in bilalangan community, prepare city, south sulawesi. *Malaysian E Commerce Journal*, 3(2): 33-35. <https://doi.org/10.26480/mecj.02.2019.33.35>
- Frick, J. E., Erikson, L.T. and Hallen, L. (2011). Bridging and Bonding Forms of Social Capital in Regional Strategic Network. *Industrial Marketing Management*, 40, 994-1003. <https://doi.org/10.1016/j.indmarman.2011.06.040>
- Flora, J. L. (1998). *Social capital and communities of place*. Rural Sociology 63:481-506. <https://doi.org/10.1111/j.1549-0831.1998.tb00689.x>
- Fox, L., & Romero, C. (2017). *In The Min, the Household, or the Market? Concept and Measurement of Women's Economic Empowerment*. World Bank Group, Social Protection and Labor Global Practice Group.
- Gittel, R., & Vidal, A. (1998). *Community Organizing: Building Social Capital as a Development Strategy*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications. <https://doi.org/10.4135/9781452220567>
- Grant, E. (2001). Social Capital and Community Strategies: Neighbourhood Development in Guatemala City. *Development and Change*, 32: 975-997.
- Greasley, K., Bryman, A., Dainty, A., Price, A., Naismith, N., & Soetanto, R. (2008). Understanding empowerment from an employee perspective: what does it mean and do they want it? *Team Performance Management*, 14(1),39-55.<https://doi.org/10.1111/1467-7660.00234>
- Hansen, E. F., & Duveskog, D. (2011). The empowerment route to well-being: An analysis of farmer field schools in East

- Africa. *World Development*, 40(2), 414-427. <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2011.05.005>
- Haque, T., Siwar, C., Bhuiyan, A. B., & Joarder, M. (2019). Contributions of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) microfinance to Economic Empowerment (EE) of women borrowers in Malaysia. *Economics & Sociology*, 12(4), 241-256. <https://doi.org/10.14254/2071-789X.2019/12-4/15>
- Hansen N.S. N., et al. (2014). *Social capital and violence in poor urban areas of Honduras*. *Aggression and Violent Behavior* 19, 643–648. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2014.09.013>
- Hamidreza Babaei, Nobaya Ahmad & Sarjit S. Gill. (2012). Bonding, bridging and linking social capital and empowerment among squatter settlements in Tehran, Iran. *World Applied Sciences Journal* 17 (1): 119-126. <https://doi.org/10.1.1.389.7576>
- Haslin Kadis & Vivien W. C. Yew. (2016). Peranan modal sosial dalam memperkasakan ekonomi kumpulan tompoq topoh di kampung orang asli. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11, No. 2, 590 – 604. ISSN: 1823-884x
- Junaenah Sulehan, Ong Puay Liu, Yahaya Ibrahim, Noorahamah Hj. Abu Bakar, Abd. Hair Awang, & Mohd. Yusof Hj. Abdullah. (2008). Penyertaan dan pemerksaan komuniti desa dan pembangunan di Malaysia-Indonesia. *Jurnal Kajian Politik, dan Masalah Pembangunan*, 4(2), 289-311.
- Junaenah Sulehan & Ong Puay Liu (2012). *Penyertaan dan pemerksaan komuniti*. Dalam *Penyertaan dan Pemerksaan Komuniti Desa, Malaysia-Indonesia*, disunting oleh Junaenah Sulehan & Noor Rahamah Hj Abu Bakar. Bangi. Penerbit UKM.
- Kartini Aboo Talib@Khalid. (2016). Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Akademika* 86(2):65-78. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Kay, A. 2006. Social Capital, the Social Economy and Community Development. *Community Development Journal*. 41(2): 160-173. <https://doi.org/10.1093/cdj/bsi045>

- Kiky Kirina Abdillah, & Junaenah Sulehan. (2015). Kemunduran sosioekonomi dan penyisihan sosial komuniti Bumiputera di Bandaraya Kuching: Kajian kes di Kampung Kudei Baru dan Kampung Sinar Budi Baru Batu Kawa. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 131-141.
- Langer, C. L., & Lietz, C. A. (2015). *Applying theory to generalist social work practice*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Larson, Larissa, Sharon L. Harlan, Bob Bolin, Edward Hackett, Diane Hope, Andrew Kirby, Amy Nelson, Tom R. Rex, and Shaphard Wolf. (2004). Bonding and bridging, understanding the relationships between social capital and civic action. *Journal of Planning Education and Research* 24:64-77. <https://doi.org/10.1177/0739456X04267181>
- McAreavey, R. (2009). *Rural development theory and practice*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Meadowcroft, J. and Pennington, M. (2008). *Bonding and Bridging: Social Capital and the Communitarian Critique of Liberal Markets*. *Review Austrian Econ*, 21,119-133. <https://doi.org/10.1007/s11138-007-0032-2>
- Michelini, J.J. (2013). *Small farmers and social capital in development projects: lessons from failure in argentina's rural periphery*. *Journal of Rural Studies*, 30,99-109. <https://doi.org/10.1016/j.jrurstud.2013.01.001>
- Middelton, A., Murie, A. & Groves, R. (2005). Social capital and neighbourhoods that work. *Urban Studies*, 42(10): 1711-1738. <https://doi.org/10.1080/00420980500231589>
- Mladovsky, P. and Mossialos, E. (2008). A conceptual framework for community-based health insurance in low income countries: Social capital and economic development. *World Development*, 36(4), 590-607. <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2007.04.018>
- Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Siti Hadijah Che-Mat, & Roslan Abdul Hakim. (2013). Impak kredit mikro ke atas ketaksamarataan pendapatan dalam kalangan Sahabat Amanah Ikhtiar. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(1), 75-86.

- Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat. (2014). Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(1) 2014 167 – 177. ISSN 0127-1962
- Perezniето, P., & Georgia, T. (2014). A review of approaches and methods to measure economic empowerment of women and girls. *Gender and Development*, 22:1, 233-251. <https://doi.org/10.1080/13552074.2014.920976>
- Petrosillo, I, Constanza, R, Arento, R., Zaccarelli, N., & Zurlini, G. (2013). *The Use Subjective Indicators to asses How Natural and Social Capital Support Resident's Quality of Life in Small Volcanic Island*. *Ecological Indicators*, 24-609-620. <https://doi.org/10.1016/j.ecolind.2012.08.021>
- Phillips R. and Pittman R.H (2009) *An introduction to community development*. New York: Routledge.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling Alone: The collapse and revival of American community*. New York: Simon & Schuster.
- Putnam, R. D. (1995). Turning in, turning out: The strange disappearance of social capital. *America. Political Studies* 4(28). <https://doi.org/10.2307/420517>
- Putnam, R. D. (1993). The prosperous community: Social capital and public life. *The American Prospect*, 13, 35-42.
- Qingwen, X., Perkins, D. D., & Chun, J. C. C. (2010). Sense of community neighbouring, and social capital as predictors of local political participation in China. *American Journal of Community Psychology*, 45(3-4) 259-271. <https://doi.org/10.1007/s10464-010-9312-2>
- Schmid, A. A. (2000). Affinity as social capital. *Journal of Socio-Economics* 29: 159-171. [https://doi.org/10.1016/S1053-5357\(00\)00059-7](https://doi.org/10.1016/S1053-5357(00)00059-7)
- Siti Hadijah Che Mat & Roslan Abdul Hakim. (2011). Jangka masa keluar daripada kepompong kemiskinan dan ketermiskinan: Kajian kes di Kedah Darul Aman, Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 18(2), 217–236. <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijms/article/view/10356>

- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria, & Haris Abd Wahab. (2012). Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: Ke arah pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari*, 4(2), 29-44. ISSN 1985-6830
- Suharto & Iwan Kurniawan Subagja. (2017). The role of community economic empowerment to social capital and the implication of community welfare in Karawang Regency West Java Indonesia. *European Journal of Business and Management*, 9, (32).
- Szreter, S., & Woolcock, M. (2004). Health by association? Social capital, social theory, and the political economy of public health. *International Journal of Epidemiology*, 33, 650-667. <https://doi.org/10.1093/ije/dyh013>
- Vyncke, V., Peersman, W., Maeseneer., J.D. Willems, S. (2012). Measuring the immeasurable? Operationilising social capital in health research. *Health*, 4(9), 555-556. <https://doi.org.10.4236/health.2012.49087>
- Williams, D., (2006). *On and off the net: Scales for social capital in an online era. J. Comput.-Mediated Commun*, 11, 593-628.
- Woolcock, M. (2002). *Social capital in theory and practice: Where do we stand ?* In Isham, J.,T., & Ramaswamy, S. United Kigdom: Edward Elgar Publisihing Limited.
- Woolcock, M. (2001). The place of social capital in social capital thematic group. Understanding social and economic outcomes. *Canadian Journal of Policy Res.*, 2(1): 11-17.
- Woolcock, Michael & Deepa Narayan. (2000). *Social capital: implications for development theory, research, and policy.* World Bank Research Observer, 15(2): 225-249.